



**PENAJAAN TAHUNAN GAS MEMASAK KEPADA RUMAH PERLINDUNGAN  
MAJLIS AIDS MALAYSIA LAMBANG KOMITMEN TANGGUNGJAWAB SOSIAL  
KORPORAT NGC ENERGY SDN BHD**

---

**KUANTAN, PAHANG, 6 Mac 2013** -Sebanyak 22 buah rumah perlindungan untuk warga Malaysia yang hidup dengan HIV yang berada di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia menerima penajaan 1,008 buah tong gas memasak di bawah jenama Mira Gas oleh NGC Energy Sdn Bhd. Inisiatif tanggungjawab sosial ini merupakan kesinambungan terhadap kerjasama bermakna selama empat tahun berturut-turut diantara Majlis AIDS Malaysia dan NGC Energy Sdn Bhd yang dahulunya dikenali sebagai Shell LPG Gas.

Kerjasama ini telah diraikan dalam satu majlis penyerahan rasmi di rumah perlindungan Casa Harapan di Taman Teluk Cempedak di sini hari ini. Majlis ini telah dirasmikan secara bersama oleh Datuk Dr Raj Karim, Presiden MAM dan Puan Julianna Kamaruddin, Pengurus Besar NGC Energy Sdn Bhd. Perasmian disaksikan oleh wakil-wakil daripada agensi-agensi kerajaan tempatan, Presiden DIC Pahang selaku mewakili pentadbir rumah-rumah perlindungan, urusetia MAM, wakil-wakil NGC Energy Sdn Bhd dan media. NGC Energy Sdn Bhd turut membuat demonstrasi keselamatan gas memasak kepada para pentadbir rumah-rumah perlindungan sebagai salah satu pengisian majlis berkenaan.

Dalam ucapan beliau, Datuk Dr Raj Karim menzahirkan penghargaan anggota komuniti terhadap sokongan NGC Energy Sdn Bhd: *“Majlis AIDS Malaysia amat berbesar hati dengan keprihatinan yang telah ditunjukkan oleh NGC Energy Sdn Bhd terhadap usaha kami untuk meningkatkan kualiti penjagaan, rawatan dan sokongan untuk anggota komuniti orang yang hidup dengan HIV dan AIDS. Sumbangan NGC Energy sememangnya wajar diangkat sebagai contoh cemerlang yang boleh diteladani oleh warga-warga korporat tempatan dan antarabangsa dalam menunaikan tanggungjawab sosial masing-masing.”* Datuk Raj turut menyifatkan NGC Energy Sdn Bhd sebagai rakan kongsi yang progresif dalam usaha menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV dan AIDS.

“ Penajaan NGC Energy pada hari ini melambangkan komitmen berterusan kami untuk menyumbang kepada masyarakat, khususnya buat Orang Yang Hidup Dengan HIV. Iltizam kami adalah untuk menjadi warga korporat yang sentiasa prihatin dengan keperluan pelanggan kami serta mampu memberi impak positif kepada masyarakat tempatan di mana kami beroperasi. Kami merasa bangga kerana berpeluang menjalin kerjasama strategik dengan Majlis AIDS Malaysia. Diharap sumbangan Gas Mira ini akan sedikit sebanyak dapat meringankan beban tanggungan para pengusaha rumah-rumah perlindungan ini.” Ujar Puan Julianna Kamaruddin, Pengurus Besar NGC Energy Sdn Bhd.



## **HEBAHAN MEDIA UNTUK HEBAHAN SEGERA**

Sehingga penghujung tahun 2012, rumah-rumah perlindungan di bawah naungan MAM ini telah memberi penempatan kepada 622 orang penghuni, termasuklah kaum wanita dan kanak-kanak yang dipinggirkan masyarakat ekoran stigma dan diskriminasi yang masih menebal terhadap isu HIV dan AIDS. Rumah-rumah perlindungan ini menyediakan perkhidmatan yang komprehensif untuk para penghuninya - ini termasuklah menyediakan asas kepada rawatan dan penjagaan yang sempurna, rujukan perubatan, program kepatuhan dan literasi terhadap ubat-ubatan, dan juga sesi kaunseling untuk bimbingan emosi dan kerohanian. Operasi harian rumah-rumah perlindungan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di bawah inisiatif 1AZAM.

.....

### **TENTANG MAJLIS AIDS MALAYSIA**

Majlis AIDS Malaysia (MAM) ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai organisasi 'payung' yang bertanggungjawab untuk menyokong dan menyelaraskan usaha-usaha organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkerja di lapangan HIV dan AIDS. MAM menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, untuk memastikan respon terhadap epidemik HIV dan AIDS oleh NGO adalah komited dan efektif. Selain melaksanakan program pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV di seluruh negara, MAM dan Ahli-Ahli Gabungan bertindak mewakili suara komuniti-komuniti yang terjejas oleh HIV/AIDS. Layari [www.mac.org.my](http://www.mac.org.my) untuk keterangan lanjut.

### **TENTANG NGC ENERGY SDN BHD**

NGC Energy Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 8 November 2012 setelah aset dan bisnes Shell Gas (LPG) diambilalih oleh National Gas Company SAOG (NGC), sebuah syarikat yang berpangkalan di Oman dan Kumpulan Peransang Selangor, syarikat tempatan yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan pengurusan. Nisbah pegangan NGC dan Kumpulan Peransang Selangor dalam perkongsian ini adalah pada kadar 60:40. NGC Energy Sdn Bhd akan mewarisi tong-tong silinder gas LPG berwarna kuning milik Shell yang sememangnya telah dikenali ramai semenjak 40 tahun dahulu, di mana tong-tong silinder gas ini akan mula diperdagangkan di bawah jenama Mira Gas. NGC Energy Sdn Bhd berazam untuk membina nama sebagai sebuah syarikat pengedar gas yang menggunakan teknologi dan inovasi terkini yang diaplikasikan daripada operasi mereka di Timur Tengah. Untuk maklumat lanjut hubungi [www.ngcenergy.com](http://www.ngcenergy.com)

### **UNTUK PERTANYAAN MEDIA, HUBUNGI JABATAN MEDIA & KOMUNIKASI – YAYASAN AIDS MALAYSIA**

Ameera Abi	+6016-4146400	<a href="mailto:meera@mac.org.my">meera@mac.org.my</a>
Azahemy Abdullah	+6016-6465874	<a href="mailto:azahemy@mac.org.my">azahemy@mac.org.my</a>